

## KLAUSA

- Satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi *satu subjek* dan *satu prediket* yang berpotensi menjadi ayat.
- Frasa tidak mungkin menjadi ayat yang lengkap tetapi klausa mungkin menjadi ayat yang lengkap kerana klausa mempunyai subjek dan predikat, iaitu unsur utama yang wajib untuk status ayat.

**Seperti contoh yang berikut:**

- dia tidak datang

Subjek klausa: dia

Predikat klausa: tidak datang

- pakaianya basah

Subjek klausa: pakaianya

Predikat klausa: basah

- mereka berehat

Subjek klausa : mereka

Predikat klausa : berehat

Jika klausa tersebut diujarkan dengan intonasi yang sempurna, iaitu dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan, klausa tersebut boleh bersifat sebagai ayat lengkap seperti contoh yang berikut:

- Dia tidak datang.
- Pakaianya basah.
- Mereka berehat.

Klausa menjadi konstituen kepada ayat dan terbahagi kepada dua jenis, iaitu klausa bebas dan klausa tak bebas. **Klausa bebas** ialah klausa yang boleh berdiri sendiri sebagai ayat yang lengkap, manakala **klausa tak bebas** tidak dapat berdiri sendiri kerana maknanya bergantung pada klausa bebas. Lihat contoh ayat berikut:

- Dia tidak datang *jika tidak mendapat keizinan*.
  - Pakaianya basah *kerana hujan lebat*.
  - Mereka berehat *apabila tiba masanya*.
- Klausus sebagai unsur ayat, klausus boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu klausus bebas dan klausus tak bebas.

## **KLAUSA BEBAS**

- Klausus bebas bersifat ayat yang lengkap (ada subjek dan predikat) dan boleh berdiri sendiri sebagai ayat apabila diucapkan atau ditulis.
- Klausus bebas ialah klausus yang dapat berdiri sendiri dan bersifat sebagai ayat lengkap apabila diucapkan dengan intonasi yang sempurna.

Contoh klausus bebas adalah seperti yang berikut:


1. ali pandai
2. saya akan pergi
3. dia sedang belajar
4. saya sudah makan

Berdasarkan contoh klausus di atas, klausus *ali pandai* mengandungi subjek *ali* dan predikat *pandai*, dan sekiranya diucapkan dengan intonasi yang sempurna dan betul, klausus tersebut akan menjadi ayat lengkap: *Ali pandai*.

Klausus bebas dengan sifatnya sebagai ayat yang sempurna boleh juga menjadi sebahagian daripada ayat yang lebih luas dan kompleks, seperti contoh yang berikut:

5. *Ali* pandai kerana Ali rajin membaca buku.
6. *Saya* akan pergi kalau waktu mengizinkan.
7. *Dia* sedang belajar di YRU.
8. *Saya* sudah makan roti canai.

Manakala kluasa tak bebas pula, ialah kluasa yang tidak dapat berdiri sendiri disebut kluasa tak bebas. Dalam ayat yang mengandungi kluasa bebas dan tak bebas, kluasa bebas disebut kluasa utama, manakala kluasa tak bebas disebut kluasa kecil, sebagaimana yang terdapat dalam rajah berikut:



- Perhatikan contoh berikut:

Kluasa		Ayat	
Subjek	Predikat	Subjek	Predikat
budak itu	mendengar radio	Budak itu	mendengar radio.
ujian tadi	amat susah	Ujian tadi	amat susah
jambatan itu	jambatan kayu	Jambatan itu	jambatan kayu.
mereka	ke pantai	Mereka	ke pantai.

- Perbezaan ayat dengan kluasa bebas amat kecil sekali.
- Ayat dimulai dengan huruf besar dan diakhiri dengan noktah manakala kluasa tidak.

## KLAUSA TIDAK BEBAS

- Kluasa tak bebas hampir sama sifatnya dengan kluasa bebas, yakni terdiri daripada unsur subjek dan predikat.
- Ciri utamanya ialah didahului oleh kata hubung seperti kerana, sungguhpun, walaupun, apabila, tatkala dan sebagainya.

- Perhatikan contoh-contoh di bawah. Klausula tak bebas digaris di bawahnya dan klausula bebas ditebalkan hurufnya. Dalam ayat seperti ini, klausula bebas juga dikenali sebagai *klausula utama*.

Adik gagal dalam ujian itu *kerana dia tidak membaca soalan dengan teliti.*

*Sungguhpun dia sibuk, dia datang juga .*

Ahmad akan menyertai perlawanan itu *jika dibenarkan oleh ibunya.*

*Kalau hujan turun berlarutan, banjir akan melanda kawasan itu.*

- Pengetahuan mengenai klausula amat penting dalam membina dan menganalisis ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat campuran.
- Hal ini kerana ayat-ayat ini mempunyai dua atau lebih klausula; iaitu terdapat klausula bebas dan klausula tak bebas.
- Di samping itu, bilangan klausula serta jenis klausula menentukan bentuk-bentuk ayat dalam bahasa Melayu.

Ayat	Anak orang itu sedang tidur.				
Klausula	anak orang itu sedang tidur				
Frasa	anak orang itu		sedang tidur		
Perkataan	anak	orang	itu	sedang	tidur